

# Eddie unggul Kejohanan Golf Hari Wilayah

OLEH JAINUDIN DJIMIN

LABUAN: Eddie Samsuddin muncul juara Kejohanan Golf Hari Wilayah Persekutuan Labuan yang diadakan di padang Kelab Golf Labuan, petang kelmarin.

Beliau yang mencatat 70 pukulan menerima hadiah sebuah piala dan hadiah barangan elektrik yang disampaikan oleh Ahli Parlimen Labuan, Datuk Rozman Datuk Isli.

Naib johan disandang oleh Ranjeet

Singh yang mencatatkan 71 pukulan dan tempat ketiga dimenangi oleh Haji Ismanto Isnanthomo dengan 72 pukulan (OCB).

Tempat keempat dan kelima masing-masing dimenangi oleh Ahmad Izz Amin dengan 72 pukulan dan Subraminiam Muniandy dengan catatan 73 pukulan.

Sementara itu, Telwant Kaur muncul juara bagi kategori wanita dengan mencatatkan 74 pukulan dan naib johan dimenangi oleh Sherly Poh yang men-

catatkan 79 pukulan.

Bagi kategori veteran johan dimenangi oleh Hassan Selati yang berjaya mencatatkan 77 pukulan (OCB) dan naib johan disandang oleh Lamit Sulaiman dengan jumlah pukulan yang sama (77). Kejohanan anjuran Kelab Golf Labuan itu disertai seramai 70 pemain golf lelaki dan wanita Labuan.

Hadir sama, Presiden Kelab Golf Labuan, Althur Kong, Kapten Labuan, Sazali Mohammad dan Setiausaha Umno Bahagian, Sudin Samat.



JUARA...Eddie bersama Althur (kiri) dan Rozman selepas majlis penyampaian hadiah.